

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Covid-19: Selangor paling tinggi

**PUTRAJAYA:** Selangor menjadi negeri paling tinggi mencatat jangkitan baharu positif Covid-19 dengan 660 kes manakala jumlah kes di seluruh negara menurun kepada 1,708 kes berbanding kelmarin, 2,165 kes.

Berdasarkan laman web, <https://covidnow.moh.gov.my> semalam, Kuala Lumpur pula mencatatkan 411 kes baharu, Perak (122), Pulau Pinang (131), Negeri Sembilan (89) dan Putrajaya (52).

Katanya, jumlah kes lain ialah di Melaka (48), Johor (43), Sabah (38), Sarawak (35), Kedah (30), Pahang (27), Kelantan (10), Perlis (7), Terengganu (6) dan Labuan, tiada kes.

“Jumlah pesakit Covid-19 yang masih diwadkan menurun kepada 459 orang berbanding kelmarin, seramai 465 orang.

“Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam kekal merekodkan 24 kes,” kata kenyataan itu.

Bagaimanapun, jumlah pe-



**Jumlah pesakit Covid-19 yang masih diwadkan menurun kepada 459 orang berbanding seramai 465 orang kelmarin.”**

sakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan merekodkan 14 kes berbanding jumlah kelmarin, 13 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, satu kluster baharu direkodkan manakala sebanyak empat kluster yang masih aktif sekali gus menjadikan 7,015 keseluruhan kluster.

Sebanyak dua kes kematian dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 35,711 kes.